






Kuiz
Sains Darjah 6
Unit 3: Mikroorganisma

Lengkapkan jadual di bawah.

Bil.	Jenis mikroorganisma	Contoh	Ciri
1.	a.	 <i>Penicillium</i>	Mendapat nutrien daripada benda yang mereput dan mengurai.
2.	Bakteria	 <i>Escherichia coli</i>	b.
3.	c.	 <i>Volvox</i>	Boleh membuat makanannya sendiri kerana mempunyai klorofil.

4.	d.	 <p data-bbox="695 451 857 483"><i>Paramecium</i></p>	e.
5.	virus	 <p data-bbox="714 955 841 987"><i>Influenza</i></p>	f.

Jawab semua soalan di bawah.

Eksperimen untuk mengkaji hubungan antara suhu dengan keadaan buah epal selepas seminggu.

Alat dan bahan:

Buah epal dan peti sejuk

Langkah-langkah:

1. Sebiji buah epal diletakkan di atas meja pada suhu bilik.
2. Sebiji buah epal lagi diletakkan di dalam peti sejuk di bahagian dingin.
3. Perhatikan keadaan buah epal selepas seminggu.

Pemerhatian:

Tempat simpanan	Keadaan buah epal
Di atas meja	Lembik dan busuk
Dalam peti sejuk	segar

Perbincangan:


6. Nyatakan inferens bagi pemerhatian yang diperoleh.

7. Nyatakan jenis mikroorganisma yang terdapat pada epal yang ditinggalkan di atas meja selepas seminggu.

8. Tandakan (/) bagi faktor yang merencatkan pertumbuhan mikroorganisma dalam eksperimen ini.

Suhu yang rendah	
Suhu yang tinggi	

9. Tulis tiga faktor lain yang mempengaruhi pertumbuhan mikroorganisma dalam peta buih di bawah.



10. Apakah kesimpulan yang boleh dibuat daripada eksperimen ini?

Skema Jawapan

Kuiz

Sains Darjah 6

Unit 3: Mikroorganisma

1. A. fungi
2. B. Terdapat dalam pelbagai bentuk seperti sfera, rod, koma atau lingkaran.
3. C. alga
4. D. Protozoa, e. Kebanyakannya hidup dalam habitat air seperti tasik dan sungai.
5. F. Memerlukan perumah untuk bertumbuh
6. Kerana suhu bilik ialah suhu yang sesuai untuk mikroorganisma bertumbuh.
7. fungi.
8. Suhu yang rendah
9. A. Udara, b. Keasidan yang sesuai, c. air
10. Suhu yang sesuai ialah salah satu faktor pertumbuhan mikroorganisma.